



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PRAKTIK PENGAJARAN DAN PERSEPSI PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MAHMUD,
RAUB, PAHANG TERHADAP
APRESIASI SENI.**

CHE MAT TAKIYUDIN B CHE IBRAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

16.04.07

CHE MAT TAKIYUDIN B CHE IBRAHIM

M20051000158





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge.

16.04.07



CHE MAT TAKIYUDIN B CHE IBRAHIM

M20051000158





Penghargaan

Segala puji bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga Baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaan-Nya, segala rintangan dan halangan dapat diatasi, segala dugaan dapat ditempuhi dan berkat kesabaran serta harapan, akhirnya cita-cita terkabul jua.

Terlebih dahulu ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, penyelia utama penulisan disertasi ini di atas bimbingan dan bantuan sehingga selesai penulisan ini.

Pisang emas di bawa belayar,

Masak sebiji di atas peti;

Hutang emas boleh di bayar,

Hutang budi di bawa mati.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Seni dan Muzik yang sudi memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan penulisan disertasi ini. Sesungguhnya ilmu setitik yang dicurahkan akan kujadikan segunung intan dalam melayari kehidupan ini.

Akhir sekali buat isteriku yan tercinta,

Lailah bt Othman,

Abang ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberikan sokongan dan semangat dalam menyiapkan pengajian peringkat sarjana ini, dan untuk puteri-puteriku tersayang,

Che Nurul Nadzirah,

Che Nurul Hanani,

Che Nurul Zulaikha dan

Che Nurul Husna,

Abi mohon kemaafan kerana waktu yang sering mencemburui untuk kita bermesra. Sesungguhnya pengertian dari anakanda amat Abi hargai.

Che Mat Takiyudin B Che Ibrahim

Tanjung Malim, 2007





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan di kalangan guru dan persepsi pelajar terhadap salah satu bidang dalam Pendidikan Seni Visual iaitu Apresiasi Seni. Kajian tentang pelaksanaan Apresiasi Seni di kalangan guru menjurus kepada pengetahuan guru dalam Apresiasi Seni dan pelaksanaannya di dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Kajian dilakukan juga tentang persepsi pelajar terhadap Apresiasi Seni sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Kajian kes ini dilakukan di Sekolah Menengah Mahmud, Raub, Pahang yang melibatkan 50 orang pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan 3 orang guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Setiap data telah dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual dan soal selidik terhadap guru dan pelajar.

Analisis kajian mendapati sesi Apresiasi Seni dijalankan oleh guru dan penglibatan pelajar dalam mengapresiasi sesebuah karya seni adalah 66% pelajar seringkali terlibat dalam sesi tersebut manakala selebihnya kadang-kadang ataupun tidak pernah melibatkan diri. Seterusnya langkah-langkah serta kajian lanjutan dicadangkan bagi mengatasi kelemahan pelajar dalam Apresiasi Seni.





ABSTRACT

The research aims to acknowledge the implementation of art appreciation of teachers and students perception on visual art education. Research of art appreciation focuses on the knowledge of teachers regarding the teaching of visual art education in school. Research on students art appreciation during teaching and learning (T&L) session is also being conducted.

The case study is done in Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang that involves 50 students that takes visual art as an elective subject for Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). In addition the research also includes opinion from three teachers teaching visual art. Qualitative approach is the method used for this research. Data are gathered through observation, conversation and survey from teachers and students.

The findings show that 66% of students are involved in a session of art appreciation conducted by a visual art teachers. The rest of the students are not involved with the class at all. Thus measures are students to solve the problem regarding the lack of art appreciation among students in class.



ISI KANDUNGAN

Kandungan

Muka surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
KATA SINGKATAN	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Sejarah Ringkas Sekolah	4
1.3 Latar Belakang Kajian	5
1.4 Permasalahan Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Tujuan Kajian	8
1.7 Signifikan Kajian	9
1.8 Batasan Penyelidikan	11
1.8.1 Tempat	11
1.8.2 Sasaran Kajian	11
1.8.3 Tumpuan Kajian	12
1.9 Penyusunan Penulisan	12

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	14
2.2 Konsep	16
2.2.1 Konsep Apresiasi	16
2.2.2 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	19
2.2.3 Konsep Pelajar	20
2.2.4 Konsep Guru	21
2.2.5 Konsep Yang Dipilih	23
2.3 Kerangka Teoritik	24
2.3.1 Teori Perkembangan Kognitif	24
2.3.2 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	25
2.3.3 Teori Behaviorisme	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	30
3.2 Pendekatan Penyelidikan	31
3.3 Reka Bentuk Penyelidikan	32
3.4 Fokus Kajian	34
3.5 Sumber Data	37
3.6 Proses Pengumpulan Data	38
3.6.1 Atur Cara Sebelum Penyelidikan	38
3.6.2 Atur Cara Semasa Penyelidikan	39
3.6.3 Atur Cara Selepas Penyelidikan	40
3.7 Prosedur Penganalisan Data	40
3.7.1 Analisis Diskriptif	41
3.8 Jadual Penyelidikan	42

BAB 4 HASIL PENYELIDIKAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	43
4.2 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Di SEMUDRA	44
4.2.1 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Guru 1	44
4.2.2 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Guru 2	45
4.2.3 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Guru 3	46
4.3 Cara Guru Menarik Minat Pelajar Untuk Berapresiasi	47
4.4 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Apresiasi Seni	53
4.5 Perbincangan	64

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	66
5.2 Kesimpulan	67
5.3 Cadangan Mengatasi Kelemahan Penguasaan Apresiasi Seni Relajar	68
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	69

Rujukan	70
---------	----

Lampiran



SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

1. Jadual 4.1	53
2. Jadual 4.2	54
3. Jadual 4.3	56
4. Jadual 4.4	57
5. Jadual 4.5	59
6. Jadual 4.6	60
7. Jadual 4.7	61
8. Jadual 4.8	62





SENARAI GAMBAR

Gambar

Muka Surat

1. Gambar 4.1	46
2. Gambar 4.2	50
3. Gambar 4.3	51
4. Gambar 4.4, 4.5, 4.6 & 4.7	52
5. Gambar 4.8	55



KATA SINGKATAN

Penuh

1. Sijil Pelajaran Malaysia
2. Pendidikan Seni Visual
3. Pusat Perkembangan Kurikulum
4. Kurikulum Baru Sekolah Rendah
5. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
6. Penilaian Menengah Rendah
7. Sekolah Menengah Mahmud, Raub
8. Pengajaran dan Pembelajaran
9. Borang Pemerhatian Guru 1
10. Borang Pemerhatian Guru 2
11. Borang Pemerhatian Guru 3
12. Guru 1
13. Guru 2
14. Guru 3
15. Universiti Teknologi Mara
16. Universiti Pendidikan Sultan Idris
17. Soalan Guru 1
18. Soalan Guru 2
19. Soalan Guru 3

Singkatan

- SPM
PSV
PPK
KBSR
KBSM
PMR
SEMUDRA
P & P
BPG1
BPG2
BPG3
G1
G2
G3
UTM
UPSI
RG1
RG2
RG3

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Seni merupakan salah satu mata pelajaran yang menjadi pilihan kepada pelajar atau calon-calon yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pendidikan Seni sebenarnya telah diajar kepada pelajar semenjak di peringkat awal lagi iaitu sewaktu kanak-kanak tersebut dalam kelas peralihan atau pra-sekolah sebelum kanak-kanak berkenaan meneruskan pelajarannya di sekolah rendah seterusnya di sekolah menengah.



Mata pelajaran Pendidikan Seni yang sedia ada diubah dengan nama mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Di samping itu, usaha untuk menambahbaikkan kandungan kurikulum yang sedia ada juga turut dilakukan. Antara matlamat Pendidikan Seni Visual ialah;

“Matlamat PSV Sekolah Menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kandungan kurikulum berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang kearah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.”

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000 :2)

Antara objektif Pendidikan Seni Visual yang ditetapkan bagi peringkat Sekolah Menengah pula ialah;

1. Menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan
2. Memupuk budaya penyelidikan dalam proses penghasilan karya seni visual.
3. Meningkatkan pengetahuan, daya kreativiti, inovasi, disiplin serta kemahiran dalam bidang seni visual yang dapat diamalkan dalam kehidupan dan kerjaya.
4. Menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik, teknologi untuk mereka cipta barangan kraf dan produk seni visual yang berkualiti.
5. Membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual.
6. Mendapat nilai tambah dalam disiplin sains teknologi dan mata pelajaran lain.
7. Menghargai sumbangan dan pengaruh tokoh-tokoh seni visual dalam konteks perkembangan sejarah seni visual di Malaysia dan antara bangsa.
8. Menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya.





9. Menyadari dan menghargai suasana seni dalam persekitaran dan kaitan dengan
keselesaan hidup.

10. Membina jati diri ke arah pembentukan negara bangsa.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000 :2-3)

Semenjak pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menjadi lebih penting. Di peringkat Sekolah Rendah, ianya merupakan satu mata pelajaran yang wajib manakala di peringkat Menengah Rendah pula, PSV menjadi mata pelajaran teras walaupun tidak dimasukkan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dengan ini Pendidikan Seni bukan merupakan satu mata pelajaran yang menjadi pilihan pelajar Menengah Rendah.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual hanya menjadi mata pelajaran pilihan atau elektif pada peringkat Menengah Atas iaitu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini bermakna pelajar yang belajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bermula dari prasekolah, diikuti sekolah rendah dan seterusnya di sekolah Menengah Rendah hanya dinilai kebolehannya sewaktu di peringkat Menengah Atas iaitu tingkatan empat dan lima serta pra-universiti.





1.2 Sejarah Ringkas Sekolah

Sekolah yang menjadi pilihan penulis untuk dibuat kajian tentang pelaksanaan Apresiasi Seni ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub atau ringkasnya SEMUDRA. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah menengah yang terdapat dalam daerah Raub, Pahang. Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub merupakan salah sebuah sekolah menengah yang terawal dibina di bandar Raub. Kedudukannya di dalam kawasan bandar Raub menjadikan sekolah tersebut sebagai pilihan bagi keluarga yang tinggal di kawasan sekitar bandar Raub.

Sekolah Menengah Mahmud Raub telah mula beroperasi pada tahun 1920. Sejak ditubuhkan, sekolah ini telah menggunakan beberapa nama bermula dengan Private English School, Anglo-Chinese School, Government English School dan Raub English School. Akhirnya sekolah ini diberi nama Mahmud School (setelah ditubuhkan selama 31 tahun), mengambil sempena nama Sultan Pahang yang kedua, Sultan Mahmud yang memerintah Pahang dari tahun 1914-1917. Kini sekolah ini dikenali dengan nama Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang.

Bilangan guru yang bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub pada tahun ini (2007) ialah seramai 97 orang iaitu 40 orang guru lelaki dan 57 orang guru perempuan. Jawatan Pengetua di sekolah ini di sandang oleh Tn Hj Misnan b Mohd Damin, Guru Penolong Kanan Pentadbiran Pn Hjh Siti Mahani bt Abdul Ghani, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid En Abdul Razak b Jamaludin, dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum En Adnan b Ahamad. Jumlah pelajar adalah melebihi 1800 orang.





1.3 Latar Belakang Kajian

Dalam mencari dan menentukan permasalahan yang wujud di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub, khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, penulis telah menetapkan tujuan tinjauan yang akan dilakukan. Hasil daripada tinjauan berkenaan maka akhirnya penulis telah mendapat satu keputusan iaitu untuk dibuat kajian tentang “Praktik Pengajaran Dan Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang Terhadap Apresiasi Seni”.

Mengambil kata-kata Mohd Johari Ab Hamid dalam *Falsafah Dan Kritikan Seni*, merenung seketika kurikulum yang diajar di sekolah, tidak ada lagi secara serius bidang kritikan dan Apresiasi Seni dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di peringkat sekolah rendah. Begitu juga lanjutan dari peringkat menengah atas hingga ke pusat pengajian tinggi. Kalau adapun hanyalah sekadar pengisian atau terpulang kepada guru yang mengajar berkenaan.

Justeru itu, penulis telah beranggapan bahawa sesi Apresiasi Seni merupakan satu sesi yang penting dalam meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni. Kejayaan guru dalam memainkan peranan sewaktu sesi Apresiasi Seni boleh membantu dalam mencambahkan lagi minat pelajar kumpulan atas (pendidikan seni biasanya difokuskan kepada pelajar kelas akhir) untuk turut mengambil dan menjadikan subjek Pendidikan Seni sebagai salah satu mata pelajaran yang perlu diambil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mereka.





1.4 Permasalahan Kajian

Dalam mencari pernyataan terhadap masalah yang dikemukakan ini, penulis telah menetapkan bahawa penulisan atau kajian akan hanya tertumpu kepada permasalahan mengenai Apresiasi Seni yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang.

Kebanyakan masalah yang dialami oleh guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan masalah yang sama dialami di mana-mana sekolah. Menurut Zakaria (1984), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dianggap tidak penting oleh sebilangan pelajar. Pendapat ini disokong oleh kajian rintis Iberahim Hassan (2000) di kalangan pelajar antaranya, Pendidikan Seni tidak memberi faedah, membosankan, tiada peperiksaan tidak perlu belajar. Malahan lebih ketara lagi menurut Mat Desa (2000), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual atau Pendidikan Seni kurang menyakinkan. Ini bermakna jika dibiarkan mata pelajaran tersebut mungkin tidak mempunyai nilai dalam kurikulum.

Penghasilan seni memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan Asas Seni Reka dalam pelbagai teknik kemahiran. Apa yang penting menurut Alvin Toffer dalam Mat Desa (2000), terdapat tiga kemahiran perlu dilalui pelajar iaitu;

- a. Kemahiran Pembelajaran
- b. Kemahiran Pemahaman dan Peningkatan
- c. Kemahiran Memilih





Dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual, kemahiran seperti yang dinyatakan perlu dipupuk terhadap pelajar agar mereka tahu menggunakannya kelak. Pusat Perkembangan Kurikulum (1996) dalam menggariskan Sukatan Pelajaran Minimum Pendidikan Seni Tingkatan 4 dan 5 KBSM yang dikeluarkan laporannya terdapat 17 permasalahan dikenalpasti di kalangan pelajar. Antara masalah yang berkaitan ialah;

- a. Pelajar tidak menyediakan peralatan yang diperlukan semasa pembelajaran Pendidikan Seni dijalankan.
- b. Pelajar masih tidak berminat walaupun dorongan dan kemudahan disediakan.
- c. Pelajar menganggap mata pelajaran Pendidikan Seni tidak penting kerana tiada peperiksaan awam peringkat Menengah Rendah.
- d. Pelajar tiada keyakinan kebolehan sendiri.



Fokus kajian ini adalah tentang pelaksanaan Apresiasi Seni di kalangan pelajar

dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Masalah ini dipilih oleh penulis berdasarkan kepada situasi semasa terutamanya apabila kebanyakan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub tidak memberikan atau menunjukkan rasa berharga terhadap satu-satu karya yang mereka telah hasilkan dengan titik peluh mereka sendiri. Penulis memerhatikan ramai pelajar sebenarnya berbakat dalam Pendidikan Seni Visual ini dan adalah penting bagi penulis untuk cuba memberikan sedikit penghargaan terhadap satu-satu karya di dalam diri pelajar.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang utama dalam penyelidikan ini ialah ; Praktik Pengajaran Dan Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, 27600 Raub, Pahang Terhadap Apresiasi Seni. Secara terperinci antara sub-sub topik yang dibicarakan ialah;

- Bagaimanakah Apresiasi Seni dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni?
- Bagaimanakah guru Pendidikan Seni menarik minat pelajar untuk berapresiasi?
- Bagaimana persepsi pelajar terhadap subjek apresiasi seni yang dijadikan bahan pengajaran seni oleh guru seni?



1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini untuk memperlihatkan dan memerhatikan usaha dan aktiviti yang dilakukan oleh guru dan pelajar dalam bidang Pendidikan Seni Visual melalui sesi Apresiasi Seni. Dalam menghasilkan penulisan ini, penulis telah menetapkan antara tujuan penulisannya;

- Memahami dan menjelaskan proses pelaksanaan Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru-guru pendidikan seni visual di sekolah.
- Menjelaskan kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan seni sewaktu proses Apresiasi Seni dijalankan.
- Memahami Apresiasi Seni di kalangan pelajar terhadap karya seni.





1.7 Signifikan Kajian

Dengan penulisan kajian yang dilakukan oleh penulis ini adalah diharapkan ianya dapat memberikan maklumat dan pengetahuan yang berguna bukan sahaja kepada guru-guru Pendidikan Seni Visual sahaja tetapi kepada semua guru yang sebelum ini merasakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual hanyalah sebagai satu mata pelajaran yang tidak memberikan apa-apa kepentingan dan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju seseorang pelajar itu setelah tamat alam persekolahan nanti.

Bagi golongan pelajar pula, kepentingan kajian ini adalah ianya dapat memberikan ilmu pengetahuan dalam menilai dan menghargai satu-satu hasil karya. Selain itu, penguasaan terhadap Pendidikan Seni dapat memberikan pilihan kepada pelajar berkenaan untuk berkecimpung dalam pelbagai bidang pekerjaan apabila tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) nanti. Kajian ini juga dapat menimbulkan rasa kekaguman terhadap satu-satu karya yang dilihat dan diamati itu oleh pelajar.

Apa yang paling penting, melalui kajian yang dilakukan oleh penulis ini adalah diharapkan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ini sebagai satu mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan diajarkan tentang apresiasi dan kritikan seni ini akan menjadi penghubung antara penggiat dan penghayat seni yang ada di negara kita. Ini kerana hanya mereka yang tahu tentang seni boleh menilai sesebuah karya yang dihasilkan itu sama ada bermutu atau sebaliknya.





Kajian ini juga adalah untuk memperlihatkan dan memerhatikan usaha yang dilakukan oleh guru untuk menarik dan meningkatkan minat pelajar dalam bidang Pendidikan Seni Visual melalui apresiasi seni. Dalam menghasilkan penulisan ini, penulis telah menetapkan antara tujuan penulisannya ialah;

- a. Membantu pelajar dalam menimbulkan minat dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.
- b. Memberikan kesedaran terhadap pelajar tentang nilai sesebuah karya yang dihasilkan pelajar.
- c. Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar yang lain tentang ilmu Pendidikan Seni Visual.
- d. Mencari langkah-langkah dalam menarik pelajar agar lebih berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Akhir sekali dapatan kajian ini diharapkan boleh memberi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan, misalnya perancang kurikulum Pendidikan Seni Visual, pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa untuk mengambil langkah yang sewajarnya mengenai pentingnya penguasaan seseorang pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.





1.8 Batasan Penyelidikan

Proses menyiapkan kajian ini, penulis menghadapi berbagai masalah. Kajian ini dijalankan mengikut batasan tertentu terutama mengenai tempat, contoh kajian dan tumpuan. Antara batasan yang ada ialah;

1.8.1 Tempat

Tempat kajian ini dijalankan ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub ataupun ringkasnya SEMUDRA yang terletak di dalam negeri Pahang.

1.8.2 Sasaran Kajian

Kajian ini akan menggunakan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub untuk dijadikan data kajian. Seramai 53 orang yang terdiri daripada 50 orang pelajar dari tingkatan 4 dan 5 yang mengambil dan memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Selain itu seramai 3 orang guru turut dipilih untuk menjayakan kajian ini.

Kajian ini juga hanya dijalankan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku iaitu pada hari persekolahan biasa. Kajian ini dilakukan sebanyak sekali pemerhatian terhadap guru iaitu bermula pada bulan Januari hingga penghujung bulan Mac 2007.





1.8.3 Tumpuan Kajian

Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan Apresiasi Seni di sekolah yang terpilih di kalangan pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.9 Penyusunan Penulisan

Penulisan Disertasi ini telah disusun seperti berikut;

Bab 1 berisikan latar belakang kajian yang mengetengahkan sejarah ringkas sekolah yang terpilih iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub. Selain itu dalam bab ini juga dimasukkan latar belakang kajian dan permasalahan kajian serta persoalan kajian. Dimasukkan juga tujuan kajian, signifikan atau kepentingan kajian serta batasan penyelidikan.

Dalam Bab 2 dihuraikan tentang tujuan literature yang merangkumi kerangka teoritik iaitu Teori-teori perkembangan seperti Teori Perkembangan Kognitif (intelekt, persepsi dan bahasa), Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Behaviurisme serta konsep-konsep yang digunakan sebagai penjelasan dalam penulisan disertasi yang merangkumi konsep-konsep seperti apresiasi, pengajaran dan pembelajaran, pelajar dan guru.





Bab 3 pula membicarakan tentang metodologi penyelidikan yang merangkumi ; pendekatan penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, fokus kajian, sumber data, prosedur pengumpulan data, prosedur menganalisis data dan matrik pengumpulan data yang telah dirancang.

Bab 4 seterusnya menghuraikan tentang dapatan dan rumusan yang merangkumi perihal sampel kajian iaitu rumusan soal selidik dikalangan pelajar, pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran, rumusan soal selidik guru dan dapatan kajian yang menjawab kepada persoalan yang diutarakan dalam kajian ini iaitu bagaimanakah Apresiasi Seni dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni, bagaimanakah guru Pendidikan Seni menarik minat pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran apresiasi seni serta sejauhmanakah apresiasi pelajar terhadap karya seni yang dijadikan bahan sebagai objek pengajaran seni.



Akhirnya dalam Bab 5 pula ialah huraian cadangan dan perbincangan yang

dicadangkan oleh penulis iaitu cadangan mengatasi masalah kelemahan Apresiasi Seni dikalangan pelajar serta cadangan kajian lanjutan.

